

SULIT



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2016/2017

NAMA KURSUS : AKIDAH KETUHANAN DAN SAINS  
KOD KURSUS : UWA 10502  
PROGRAM : DAA/ DAE/ DAK/ DAM/ DAT/ DAU  
TARIKH PEPERIKSAAN: JUN 2017  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

**TERBUKA**

FIGURA Tahanan...  
...  
...  
...

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH (20) MUKA SURAT

SULIT

- S1 Siapakah manusia pertama menurut pandangan agama Islam, Yahudi dan Kristian?
- A Man
  - B Manu
  - C Adam
  - D Brahma
- S2 Berikut adalah istilah manusia dalam bahasa Arab.
- I Al-Nas
  - II Al-Insan
  - III Al-Bashar
  - IV Bani Ibrahim
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S3 Dalam ajaran Hindu, apakah matlamat yang ingin dicapai bagi menyempurnakan Dharma?
- A Artha
  - B Karma
  - C Moksha
  - D Samsara
- S4 Apakah yang dimaksudkan dengan manusia menurut pandangan agama Islam?
- A Makhluk yang diciptakan oleh Tuhan berdasarkan imej Tuhan
  - B Makhluk yang diciptakan oleh tuhan dan dihantar untuk berkhidmat kepada tuhan
  - C Makhluk yang paling mulia diciptakan untuk menjadi anak kepada persekitaran (*al-insan ibn al-bi'ah*)
  - D Makhluk yang paling mulia diciptakan untuk beribadat dan mempunyai tanggungjawab kepada penciptanya

**TERBUKA**

- S5 Apakah konsep yang merujuk kepada tiga kehidupan yang beruntung dan tiga kehidupan yang sengsara menurut ajaran Buddha?
- A Kematian abadi
  - B Kelahiran abadi
  - C Kematian semula
  - D Kelahiran semula
- S6 Apakah unsur-unsur jasmani penciptaan manusia seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadith?
- A Air dan tanah hitam
  - B Air sungai dan tanah liat
  - C Air dan pati tanah yang liat, panas dan keras
  - D Air tawar bercampur air masin dan tanah merah
- S7 Manakah susunan peringkat awal kejadian manusia menurut al-Quran?
- A Setitis air, segumpal darah, segumpal daging, daging, bentuk manusia, bentuk rupa manusia
  - B Segumpal darah, setitis air, segumpal daging, daging, bentuk manusia, bentuk rupa manusia
  - C Setitis air, segumpal daging, segumpal darah, daging, bentuk manusia, bentuk rupa manusia
  - D Segumpal darah, segumpal daging, darah dan daging, daging, bentuk manusia, bentuk rupa manusia
- S8 Bagaimanakah agama berperanan kepada manusia?
- I Mendidik akhlak, membina perhubungan dan memerangi kerosakan
  - II Mengasaskan perhubungan manusia di atas prinsip keadilan dan kesaksamaan
  - III Mengeratkan hubungan para penganutnya dengan satu tali ikatan kasih sayang dan silaturrahim
  - IV Melahirkan perasaan aman, tenang dan bahagia kerana berasa dilindungi oleh Tuhan yang Maha Kuasa
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV



TERBUKA

MUJAWAB : TERBUKA KERTAS 20  
08/05/197  
10/01/1978  
MULAWAN 100 10/01/1978  
10/01/1978

S9 Manakah bahasa yang mendefinisikan agama sebagai ‘a’ tidak dan ‘gama’ kacau, “tidak kacau”?

- A Bahasa Aryan
- B Bahasa Belanda
- C Bahasa Sanskrit
- D Bahasa Indo Germanic

S10 Apakah yang dimaksudkan dengan *supernatural beings*?

- I Makhluk ghaib
  - II Roh dan semangat alam
  - III *Soul* atau semangat orang yang mati
  - IV Entiti dan kuasa yang tidak dapat dijelaskan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S11 Apakah asas dalam pembentukan teori animisme?

- A Kepercayaan terhadap spiritual
- B Kepercayaan terhadap mimpi, kematian dan khayalan
- C Kepercayaan terhadap peristiwa yang tidak dapat diperjelaskan
- D Kepercayaan terhadap *soul* atau semangat orang yang telah mati

S12 Pilih padanan yang betul berdasarkan kitab bagi agama berikut.

- I Sikh/ Veda
  - II Jaina/ Agamas
  - III Buddha/ Tripitaka
  - IV Islam/ Al-Quran
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

UNIVERSITI AL-AZHAR MALAYSIA  
FACULTY OF ISLAMIC STUDIES  
DEPARTMENT OF ISLAMIC HISTORY AND CULTURE  
JALAN AL-AZHAR, KAMPUS AL-AZHAR, KUALA LUMPUR



Soalan 13 merujuk kepada **pernyataan 1**

**Pernyataan 1**

Kepercayaan terhadap makhluk hidup, satu spesies binatang, tumbuhan, bukit bukau, gunung ganang dan sebagainya (Modul Edisi ke-3)

**S13** Apakah teori asal usul agama yang merujuk kepada pernyataan 1 di atas?

- A Teori mana
- B Teori animisme
- C Teori totemisme
- D Teori pra-animisme

**S14** Manakah kenyataan yang benar mengenai teori asal usul agama?

- I Teori sosiologi terhasil daripada falsafah manusia terhadap teori beragama
  - II Teori antropologi memfokuskan kepada aspek persekitaran sebagai asas agama
  - III Teori 'mana' muncul kerana wujud perasaan gerun terhadap satu kuasa atau kuasa-kuasa yang tidak dikenali
  - IV Teori psikologi menyebut agama merupakan naluri semulajadi dalam diri manusia yang berasal dari dorongan akal dan emosi
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja

**S15** Manakah pembahagian agama menurut sarjana Islam?

- A Agama Timur dan agama Barat
- B Agama dunia dan agama akhirat
- C Agama langit dan agama budaya
- D Agama tuhan dan agama manusia

**S16** Apakah antara agama yang terdapat di Asia Barat?

- A Islam, Buddha dan Sikh
- B Islam, Majusi dan Kristian
- C Islam, Yahudi dan Kristian
- D Yahudi, Kristian dan Majusi

**TERBUKA**

- S17 Manakah berikut adalah antara ciri agama wahyu?
- A Agama yang mempunyai wahyu dan kitab suci
  - B Agama yang mempunyai wahyu yang disusun oleh akal manusia
  - C Agama yang diciptakan oleh pengasas dan ajarannya bersifat menyeluruh
  - D Agama yang diciptakan oleh pengasas, mempunyai wahyu dan kitab rujukan
- S18 Apakah konsep asas bagi agama budaya?
- A Diciptakan oleh pengasas dan tidak mempunyai kitab tertentu
  - B Diciptakan oleh pengasas dan menerima wahyu daripada Allah
  - C Penamaannya berdasarkan nama pengasas dan mempunyai Rasul
  - D Kelahirannya pada waktu tertentu dan ajarannya bersifat menyeluruh
- S19 Apakah maksud perkataan *Ilah* atau tuhan dari segi bahasa?
- I Sejahtera
  - II Perlindungan
  - III Memperdewakan
  - IV Mengharap pertolongan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S20 Manakah berikut makna simpulan maknawi yang merujuk kepada pengertian akidah?
- A Persahabatan, simpulan tali, perkahwinan
  - B Ikatan perkahwinan, persahabatan, kesetiaan
  - C Persahabatan, perkahwinan, simpulan benang
  - D Ikatan perkahwinan, simpulan tali, tali jambatan
- S21 Apakah persoalan utama dalam akidah ketuhanan?
- A Kesetiaan kepada suruhan Tuhan
  - B Keinginan kepada suruhan Tuhan
  - C Keyakinan kepada suruhan Tuhan
  - D Kepercayaan kepada kewujudan Tuhan

**TERBUKA**

UWA10502  
UWA10502  
UWA10502  
UWA10502  
UWA10502

- S22 Apakah maksud *pantheism* dalam konteks kepercayaan kepada konsep ketuhanan?
- A Kepercayaan kepada Tuhan yang Satu
  - B Kepercayaan bahawa segala sesuatu adalah tuhan
  - C Kepercayaan bahawa tuhan melimpah ke dalam alam
  - D Kepercayaan bahawa tuhan melimpah ke dalam alam dan maha suci
- S23 Apakah istilah bagi menggambarkan kepercayaan dan perbuatan manusia menyembah satu Tuhan tetapi tidak menafikan kewujudan tuhan-tuhan yang lain?
- A *Polytheism*
  - B *Monotheism*
  - C *Oligatheism*
  - D *Henotheism*
- S24 Siapakah tokoh sarjana Barat yang menyatakan bahawa agama bermula dengan animisme, kemudian menjadi *polytheism* dan yang paling akhir ialah *monotheism*?
- A Saint Paul
  - B Sigmund Freud
  - C Edward Burnett Tylor
  - D Bronislaw Kasper Malinowski
- S25 Manakah antara berikut adalah *absolute monotheism*?
- A Mempercayai pelbagai tuhan dan dewa tetapi menyembah yang satu
  - B Secara teori mempercayai satu tuhan tetapi dari segi praktis menyembah berbagai tuhan
  - C Kepercayaan mutlak, penyerahan mutlak dan praktis yang mutlak kepada Tuhan yang satu
  - D Pemikiran spekulatif yang menggabungkan semua dewa dan tuhan yang dipercayai menjadi satu
- S26 Manakah ajaran agama yang berasaskan kepada konsep ketuhanan paradoks iaitu mempercayai wujudnya tuhan baik dan jahat?
- A Kristian
  - B Hinduisme
  - C Buddhisme
  - D Majusi atau Zoroastrianisme

**TERBUKA**

S27 Bagaimanakah pembuktian wujudnya monoteisme dan politeisme dalam agama budaya?

- I Ajaran para rasul
- II Wahyu dan kitab
- III Manuskrip tulisan tangan tokoh
- IV *Hymns* atau nyanyian keagamaan

- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

S28 Manakah antara agama berikut yang mengubah konsep kepercayaan kepada tuhan daripada *absolute monotheism* kepada *speculative monotheism*?

- A Majusi
- B Yahudi
- C Kristian
- D Hinduisme

S29 Manakah berikut kesan terhadap emosi manusia apabila mereka mempercayai pelbagai tuhan menurut ajaran Islam?

- A Manusia terikat dengan kepercayaan tahyul yang pelbagai
- B Satu kezaliman terhadap diri sendiri kerana memperhambakan diri kepada selain daripada Tuhan yang satu
- C Akal manusia menjadi hina, kerana secara semulajadinya akal manusia tidak boleh menerima kewujudan lebih daripada satu tuhan
- D Menerbitkan rasa takut yang tidak berpenghujung kerana kepercayaan terhadap pelbagai tuhan yang tidak jelas asal-usul dan tindakannya

S30 Apakah konsep kepercayaan bagi agama langit?

- A *Absolute monotheism*
- B *Monotheism in theory*
- C *Monotheism in practice*
- D *Speculative monotheism*

**TERBUKA**

UWA10502  
UWA10502  
UWA10502  
UWA10502  
UWA10502



- S31** Manakah berikut kenyataan yang benar berkaitan latar belakang agama Islam?
- A Penurunan wahyu secara berperingkat selama lebih kurang 20 tahun di Mekah
  - B Pelengkap kepada agama samawi terdahulu yang diturunkan kepada para rasul sebelumnya
  - C Penerimaan wahyu pertama pada 25 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610 Masehi di Gua Hira'
  - D Diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui malaikat Israfil
- S32** Bagaimanakah konsep Tauhid dalam ajaran Islam diterjemahkan dalam diri individu Muslim?
- A Melalui solat 5 waktu
  - B Melalui pembacaan al-Quran
  - C Melalui ucapan dua kalimah syahadah
  - D Melalui pembacaan doa setiap pagi dan petang
- S33** Bagaimanakah Islam mendidik umatnya mengenal Allah S.W.T. sebagai Tuhan Yang Maha Esa?
- I Bermeditasi dan bertapa
  - II Bertanyakan kepada para ulama
  - III Memahami nama-nama Allah Yang Maha Sempurna
  - IV Mempelajari 20 sifat wajib dan mustahil bagi Allah S.W.T.
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S34** Apakah gelaran yang membawa kepada penamaan agama Kristian?
- A Nama Nabi Isa A.S.
  - B Gelaran kepada 12 orang pengikut Jesus
  - C Gelaran yang diberikan kepada Ibu Jesus iaitu Mary
  - D Gelaran kepada Jesus yang dikatakan sebagai penyelamat

**TERBUKA**

DR. INTAN FARHANA BT. ARUDIN  
Penyarah  
Majlis Pendidikan Islam  
Maktabah Darul Uloom Kuala Lumpur  
Jalan Sultan Abdul Halim, Kuala Lumpur

- S35 Manakah berikut kenyataan yang benar mengenai agama Hindu?
- I Diberi nama sempena nama Sungai Indus iaitu tempat asal penganutnya
  - II Dibawa dan diperkenalkan oleh Bangsa Arya yang datang dari Asia Tengah
  - III Terdapat catatan yang jelas tentang tarikh atau tahun sebenar kelahiran agama Hindu
  - IV Agama yang wujud selepas kewujudan agama-agama dalam tamadun Mesopotamia dan Greek
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S36 Apakah maksud Trimurti dalam kepercayaan kepada tuhan menurut agama Hindu?
- A Kepercayaan bahawa Brahma memusnah, Siva memelihara dan Vishnu mencipta
  - B Kepercayaan bahawa Brahma mencipta, Vishnu memelihara dan Siva memusnah
  - C Kepercayaan bahawa Brahma memelihara, Siva mencipta dan Vishnu memusnah
  - D Kepercayaan bahawa Brahma memelihara, Vishnu mencipta dan Siva memusnah
- S37 Bagaimanakah ajaran Buddhisme menjelaskan mengenai perkara luar biasa yang wujud di alam ini?
- A Melalui konsep Darma
  - B Melalui konsep Nirvana
  - C Melalui konsep ketuhanan Buddha
  - D Melalui konsep kepercayaan terhadap dewa-dewa
- S38 Apakah konsep kepercayaan kepada tuhan dalam agama Sikh?
- A Percaya kepada konsep tuhan sebagai dewa-dewa di langit
  - B Percaya kepada konsep tuhan sebagai Nirguna dan Sirguna
  - C Percaya kepada konsep tuhan baik dan jahat iaitu Varuna dan Ahimsa
  - D Percaya kepada konsep tuhan Trimurti iaitu Brahman, Vishnu dan Siva
- S39 Mengapakah agama Yahudi membataskan penganutnya untuk suatu bangsa sahaja?
- A Kekurangan ahli agama
  - B Ketuhanan untuk bangsa mereka
  - C Berlaku penentangan terhadap penyebaran agama
  - D Berlaku penghijrahan golongan muda ke luar negeri



- S40 Apakah pembahagian ilmu dalam Islam dari aspek hubungan dengan syariat?
- A Ilmu Aqli dan Ilmu Naqli
  - B Ilmu Kasbi dan Ilmu Ladunni
  - C Ilmu Syariat dan Ilmu Aqliyyah
  - D Ilmu Fardhu Ain dan Ilmu Fardhu Kifayah
- S41 Apakah sumber ilmu yang paling tinggi dalam Islam?
- A Akal
  - B Ilham
  - C Wahyu
  - D Pancaindera
- S42 Siapakah tokoh yang melahirkan idea tentang Gagasan Pengislaman Ilmu (*Islamization of Knowledge*)?
- I Fazlur Rahman
  - II Ismail al-Faruqi
  - III Sheikh al-Idris Marbawi
  - IV Syed Muhammad Naquib al-Attas
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S43 Manakah pernyataan yang menjelaskan konsep kesepaduan ilmu?
- A Allah S.W.T. sebagai sumber ilmu
  - B Menunjukkan kehebatan manusia dalam mencari ilmu
  - C Manusia dan alam punca segala sumber ilmu pengetahuan
  - D Natijah kesepaduan ilmu akan menjadikan manusia yakin untuk mencipta aliran pemikiran yang terkini mengikut keperluan semasa
- S44 Antara berikut yang manakah menjelaskan mengenai tahap-tahap kebenaran dan keyakinan tentang ilmu pengetahuan?
- A *Haq al-yakin*
  - B *'Ilm al-yakin*
  - C *'Ain al-yakin*
  - D *Sadq al-yakin*

**TERBUKA**

S45 Apakah maksud ilmu Ladunni?

- A Ilmu untuk memahami kandungan al-Quran dan al-Sunnah
- B Ilmu yang diperolehi melalui usaha dan proses pembelajaran
- C Ilmu pemberian langsung dari Allah S.W.T. melalui ilham atau wahyu
- D Ilmu yang berkaitan dengan akidah dan ibadat-ibadat wajib yang perlu ditunaikan

S46 Apakah antara ciri yang merujuk kepada konsep sekularisme?

- I Fahaman yang menggabungkan kehidupan dunia dan akhirat
  - II Sifat keduniaan yang tidak berhubung dengan agama dan spiritual
  - III Fahaman yang memisahkan urusan dunia dan akhirat dalam semua aspek
  - IV Gerakan sosial yang hanya mengarah manusia kepada kepentingan duniawi
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II, dan IV sahaja
  - C II, III, dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S47 Apakah istilah dalam bahasa Arab merujuk kepada sekularisme?

- A *Al-'Ilmiyah*
- B *Al-Ihsaniyah*
- C *Al-Amaniyah*
- D *Al-'Almaniyah*

S48 Apakah antara faktor utama yang membawa kepada fahaman sekularisme di Eropah?

- A Ketaksuban ilmiah dan pengaruh politik
- B Keangkuhan politik dan keangkuhan agama
- C Ketaksuban politik dan keangkuhan ruhiyah
- D Keangkuhan ilmiah dan keangkuhan ruhiyah

**TERBUKA**

DR. HJ. HANAFI HANAFI  
Pensyarah  
Jabatan Pendidikan Islam  
Institut Pendidikan Islam (IPI) Kuantan  
Jalan Sultan Hassanudin, 25100 Kuantan, Pahang



S49 Mengapakah pihak gereja Barat pada kurun ke-14M menganggap ilmu pengetahuan yang bersumberkan selain daripada mereka adalah berbahaya?

- I Kerana ilmu yang membawa kemajuan datang dari orang-orang Islam
- II Kerana cendekiawan Eropah yang pulang membawa ilmu dari orang Islam suka bertutur dalam bahasa Arab
- III Kerana kebanyakan belia dari Eropah yang ingin menuntut ilmu hanya boleh memperolehnya di universiti Islam di Sepanyol
- IV Kerana ilmu yang diperolehi dari orang-orang Islam dapat membina masyarakat Eropah menjadi lebih maju dan bertamadun

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S50 Apakah pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas mengenai prinsip sekularisme?

- A Aliran ini memperbaiki kehidupan manusia dengan cara rohani dan jasmani
- B Kebenaran keduniaan (*secular*) adalah bebas dari ajaran wahyu dan kenabian
- C Kebahagiaan hidup di dunia perlu dirujuk kepada dasar-dasar agama dan wahyu
- D Pemerintahan dan kehidupan keduniaan mempunyai kaitan dengan agama dan nilai kerohanian

S51 Mengapakah fahaman sekularisme bertentangan dengan Islam?

- I Menafikan syariat Islam
- II Berusaha memisahkan duniawi dan ukhrawi
- III Bersumberkan idea akal dan institusi manusia semata
- IV Menganjurkan kebebasan insan dan menentang ketetapan dalam agama

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S52 Apakah maksud perkataan *scientia*?

- A Pengetahuan saintifik tentang kejadian manusia
- B Pengetahuan terhadap ujikaji makmal dan prosesnya
- C Pengetahuan atau tahap kemahiran seseorang dalam ilmu sains
- D Pengetahuan atau tahap keadaan tahunya seseorang terhadap fenomena alam

**TERBUKA**

KIRANGAN TERBUKA MATHS 100  
MATHS 100  
MATHS 100  
MATHS 100  
MATHS 100

Soalan 53 berdasarkan **Pernyataan 2**.

**Pernyataan 2**

Al-Quran bukan sahaja kitab ilmu pengetahuan, namun di dalamnya terdapat sejumlah ayat menunjukkan kebenaran pembuktian sains (Modul Akidah Ketuhanan dan Sains Edisi ke-3)

**S53** Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan 2 di atas?

- A Hubungan antara sains dengan al-Quran
- B Pertemuan antara ayat-ayat *kauniyat* dan sunnah rasul
- C Pembuktian sains melalui pernyataan ayat dalam al-Quran
- D Percanggahan antara penemuan sains dan ayat-ayat *kauniyat*

**S54** Apakah yang dimaksudkan dengan sains menurut Peter Medawar?

- A Sains adalah pengetahuan seseorang terhadap dirinya
- B Sains adalah pengetahuan seseorang terhadap fenomena alam
- C Sains merujuk kepada tahap pengetahuan terhadap proses kejadian manusia
- D Sains merupakan asas pengetahuan kepada manusia dalam membuat sesuatu keputusan

**S55** Pilih ciri-ciri asas untuk membangunkan ilmu sains menurut saintis terhadap fenomena alam semulajadi.

- I Para saintis percaya bahawa fenomena alam ini secara fitrahnya teratur dengan sistemnya yang tersendiri
  - II Para saintis mempunyai kemampuan daya intelek dan akal yang berupaya untuk memahami apa yang tersurat dan tersirat dari fenomena alam semulajadi
  - III Para saintis mengandaikan manusia akan menggunakan potensi kuasa akal secara maksima untuk mereka memahami secara saintifik tentang sesuatu fenomena alam semulajadi
  - IV Para saintis sangat bergantung kepada peralatan saintifik untuk memahami sesuatu fenomena alam semulajadi
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

UWA10502  
TAMBAH KADAR  
Pernyataan  
modul Akidah Ketuhanan dan Sains  
Edisi ke-3

Soalan 56 hingga 58 merujuk kepada kategori ilmu Sains dalam **Jadual 1**. Pilih jawapan yang tepat.

**Jadual 1**

A	Sains Tulen
B	Sains Sosial
C	Sains Gunaan
D	Sains Kejuruteraan

- S56** Ilmu Sains yang menggunakan kaedah saintifik untuk mengkaji objek atau benda yang nyata di alam ini.
- S57** Ilmu Sains yang lebih menekankan kepada keperluan-keperluan jangka pendek dan jangka panjang untuk menghasilkan pengeluaran dalam bidang yang mempunyai kekuatan nilai amali.
- S58** Ilmu Sains yang menumpukan kajian terhadap kelakuan individu atau masyarakat serta tindak balas terhadap fenomena alam semulajadi sama ada bersifat jangka pendek atau jangka panjang dan positif atau negatif.
- S59** Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah induktif dalam kaedah kajian ilmu Sains?
- A Kaedah yang melihat pencapaian sesuatu fenomena alam semulajadi
  - B Kaedah yang digunakan untuk mengukur sesuatu tentang fenomena alam semulajadi
  - C Kaedah sains untuk menyimpulkan fenomena alam tabii yang diambil dari kesimpulan yang umum
  - D Kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu pengertian umum tentang sesuatu fenomena alam tabii yang dianalisis
- S60** Pilih pernyataan yang tidak merujuk kepada proses kaedah induktif dalam kaedah kajian ilmu Sains.
- A Menganggap semua fenomena mempunyai hubungkait antara satu dengan yang lain
  - B Membuat penilaian terhadap sesuatu kesimpulan hasil daripada kajian yang dilakukan
  - C Dapat dibuktikan kesahihan kesimpulan yang dicapai hasil pengamatan teliti secara teori atau empirikal
  - D Melakukan pencerapan, percubaan dan analisis sehingga dapat menghasilkan kesimpulan yang sama dan umum

**TERBUKA**

TEKNIK KAJIAN ILMU SAINS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
JALAN KEMERDEKAAN 1/1, 50450 KUALA LUMPUR  
TEL: 03-2330 3000 FAX: 03-2330 3001  
WWW.KEMERDEKAAN.MALAYSIAGOV.MY



S61 Apakah konsep asas yang digunakan dalam kaedah deduktif?

- I Pemisahan
  - II Pengkelasan
  - III Perbandingan
  - IV Kuantifikasi
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S62 Mengapakah pertembungan antara sains dan al-Quran tidak akan berlaku?

- A Sains selari dengan kehendak al-Quran
- B Kedua-duanya bersumber dari Allah S.W.T.
- C Al-Quran sentiasa menyesuaikan diri dengan penemuan sains
- D Sains dan al-Quran sentiasa berganding bahu dalam menyelesaikan persoalan manusia

S63 Apakah kaedah sains untuk menyimpulkan fenomena alam yang diambil daripada kesimpulan umum dengan menggunakan kaedah *logical-positivism*?

- A Radiasi
- B Induktif
- C Saintifik
- D Deduktif

Soalan 64 berdasarkan maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 3**.

**Pernyataan 3**

"Dia menjadikan kamu dalam perut ibumu kejadian demi kejadian dalam tiga kegelapan. Yang (berbuat) demikian itu adalah Allah, Tuhan kamu, Tuhan yang mempunyai kerajaan. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, maka bagaimana kamu dapat dipalingkan?" (Al-Quran, 39:6)

S64 Apakah kaitan antara al-Quran dan sains berdasarkan maksud ayat dalam pernyataan 3 di atas?

- A Penipisan ozon
- B Perkembangan janin dalam kandungan
- C Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
- D Matahari dan bumi sentiasa berjalan di atas paksinya





Soalan 65 berdasarkan maksud ayat al-Quran dalam **pernyataan 4**.

**Pernyataan 4**

"Adakah manusia mengira bahawa Kami tidak akan mengumpulkan kembali tulang belulang mereka. Bukan demikian, Kami mampu menyusun jari jemari mereka dengan sempurna" (Al-Qiyamah:3-4)

- S65** Apakah yang dinyatakan oleh maksud ayat dalam **pernyataan 4** di atas?
- A Penipisan ozon
  - B Perkembangan janin dalam kandungan
  - C Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
  - D Matahari dan bumi sentiasa berjalan di atas paksinya
- S66** Mengapakah hubungan antara al-Quran dan sains tidak boleh dipisahkan?
- A Kedua-duanya bersumber daripada Allah S.W.T.
  - B Al-Quran dan sains perkara yang paling penting dalam kehidupan manusia
  - C Sains dan al-Quran kadang-kadang boleh menyelesaikan persoalan manusia
  - D Al-Quran diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada umat manusia manakala sains dicipta oleh manusia
- S67** Pilih tahap perkembangan janin menurut sains.
- A Pre-embrionik, embrionik dan fetus
  - B Pre-embrionik, embrionik dan zulmah
  - C Pre-embrionik, embrionik dan zulumat
  - D Pre-embrionik, embrionik dan fetrustus
- S68** Apakah sebab utama ramai saintis Barat memeluk agama Islam?
- A Terdapat persamaan antara sains moden dengan sains Islam
  - B Terdapat pertemuan antara sains dengan kehendak al-Quran
  - C Terdapat persamaan antara sains al-Quran dengan sains Islam
  - D Terdapat pertemuan antara kehendak wahyu dengan sunnatullah
- S69** Apakah fungsi gunung-ganang menurut al-Quran?
- A Menstabilkan bumi
  - B Mengindahkan pemandangan bumi
  - C Memelihara ekosistem kehidupan di bumi
  - D Menyediakan kekayaan hasil bumi kepada manusia

TERBUKA

S70 Apakah asas ilmu Etika?

- A Filologi
- B Falsafah
- C Sosiologi
- D Antropologi

S71 Manakah antara berikut merupakan pembahagian etika?

- A Etika aktif dan pasif
- B Etika pasif dan normatif
- C Etika normatif dan tentatif
- D Etika deskriptif dan normatif

S72 Apakah maksud ilmu dalam konteks falsafah Islam?

- I Sesuatu yang ada hubungan dengan Tuhan
- II Ia merangkumi aspek lahiriah dan batiniah
- III Segala sesuatu yang datang daripada Allah S.W.T.
- IV Mempunyai ikatan Tauhid yang tidak terputus dengan penciptanya

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S73 Pilih kelebihan menuntut ilmu dalam Islam.

- I Menjamin kesempurnaan ibadah yang dilakukan
- II Membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia
- III Mengangkat darjat seseorang manusia di sisi Allah S.W.T dan masyarakat
- IV Melatih manusia supaya hidup dalam kelompok berdasarkan kepakaran ilmu yang dimiliki

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

UWA10502  
UJIAN AKHIR SEMESTER  
MAMPU  
MAMPU  
MAMPU  
MAMPU

S74 Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang hubungan antara sains dengan akhlak, moral dan etika?

- I Wujud hubungan yang erat antara sains dengan akhlak, moral dan etika
  - II Nilai-nilai akhlak dalam ajaran agama adalah menyokong kemajuan sains dan teknologi
  - III Sains tidak boleh dikosongkan daripada peraturan dan sistem akhlak serta nilai yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T.
  - IV Panduan yang diberikan oleh agama, sains, teknologi serta inovasi-inovasi baharu akan membawa kehancuran kepada manusia itu sendiri
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

S75 Apakah rujukan utama perkataan moral?

- I Amalan
  - II Perbuatan
  - III Tingkah laku
  - IV Nilai-nilai yang baik dan buruk
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

S76 Apakah yang dimaksudkan dengan etika?

- I Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada “perlakuan seseorang”
  - II Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
  - III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat mengenai sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
  - IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

S77 Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang akhlak Islam?

- A Akhlak bukan matlamat utama dalam Islam
- B Akhlak, akidah dan syariah tidak boleh dipisahkan
- C Akhlak Islam menekankan aspek tingkahlaku luaran sahaja
- D Akhlak manusia boleh dibentuk tanpa merujuk kepada akidah dan syariah

S78 Pilih ciri-ciri yang menerangkan akhlak dalam Islam?

- I Sifat yang memikirkan kepentingan diri sahaja
  - II Ilmu yang menggalakkan cara-cara untuk membersihkan hati seseorang
  - III Keadaan kejiwaan yang akan membentuk tingkah laku seseorang manusia
  - IV Ilmu yang menggalakkan cara-cara untuk menghiasi hati dengan sifat-sifat baik dan membersihkannya dari sifat-sifat yang keji
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S79 Apakah sumber utama akhlak Islam?

- A Al-Quran dan Hadith
- B Tradisi dan adat resam
- C Peraturan dan undang-undang
- D Contoh dan tauladan daripada ibu bapa

S80 Manakah pernyataan berikut merujuk kepada peranan akidah dalam pembentukan keperibadian seseorang individu?

- I Agama adalah sumber nilai-nilai akhlak
  - II Ikhlas dalam amalan merupakan kunci akhlak yang luhur
  - III Semakin kuat pegangan akidah seseorang, semakin baik akhlaknya
  - IV Sains, teknologi dan inovasi mampu menyumbang kepada pembentukan keperibadian yang mulia
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**-SOALAN TAMAT-**